

# KERATAN AKHBAR

CHINA PRESS

TARIKH: 13 OGOS 2019

MUKA SURAT: C1

## **PEMBAKARAN BAHAN SEMBAHYANG BAGI SAMBUTAN PERAYAAN HANTU**

### **PENGANJUR BOLEH MEMINTA PERKHIDMATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA UNTUK MENJAGA KAWALAN API DENGAN BAYARAN UPAH PERKHIDMATAN**

[KUALA LUMPUR] Mengikut bulan 7 setiap tahun dalam kalendar Cina (bulan Ogos atau awal bulan September setiap tahun), masyarakat Cina akan menyambut perayaan hantu dengan meriah di kawasan setempat. Maka, pihak penganjur akan menganjurkan upacara sembahyang di kawasan tersebut. Upacara tersebut merangkumi upacara pembakaran bahan sembahyang secara besar-besaran. Menurut Shamsul Marif, Pegawai JBPM Klang, sebagai langkah keselamatan dan pengawalan api semasa pembakaran bahan sembahyang dilakukan, pihak penganjur boleh meminta perkhidmatan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) atas tujuan tersebut. Pihak penganjur boleh membuat bayaran upah dengan berdasarkan pengiraan masa dan jumlah jentera bomba serta jumlah pegawai bomba yang digunakan. Kesemua bayaran tersebut akan diberikan kepada sumber pendapatan negara. Beliau juga menasihati orang awam dan pihak penganjur mengambil langkah berjaga-jaga semasa pembakaran dilakukan.